

TERMS AND CONDITIONS ONLINE FOREIGN TRANSFER VIA i-MUAMALAT INTERNET BANKING (RIB) AND MOBILE BANKING (MOB)

TERMA DAN SYARAT PEMINDAHAN DANA KE LUAR NEGARA DALAM TALIAN MELALUI PERBANKAN DALAM TALIAN (RIB) DAN PERBANKAN MUDAH ALIH (MOB) i-MUAMALAT

1. DEFINITION

For the purpose of these terms and conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context requires:

"Applicant" means individual who owns the i-Muamalat retail internet banking (RIB) and mobile banking (MOB).

"BMMB or the Bank" means Bank Muamalat Malaysia Berhad [Company No. 196501000376 (6175-W)] and includes its branches and its successor-in-title and assigns.

"BNM" means Bank Negara Malaysia.

"Business Day" shall refer to a day where The Bank is open for business in both Peninsular Malaysia and East Malaysia, and on which remittance transactions of the nature governed by these Terms and Conditions may be processed.

"Remittance" refers to secure and regulated transfer of funds by a bank on behalf of a customer to another bank, whether domestically or internationally.

"Telegraphic Transfer" is an electronic method that safely transfers funds from one bank to another bank across international borders.

"Terms & Conditions (T&C)" means the terms and conditions set out in this document and shall include any amendments, variations and supplements made from time to time by BMMB with prior notice.

2. ELIGIBILITY

2.1 All new and existing i-Muamalat Retail internet banking (RIB) and Mobile Online Banking (MOB) users are eligible to use this service.

2.2 Individual

- i. Any qualified individual or person above the age of eighteen (18), or
- ii. Sole Proprietor

1. DEFINISI

Bagi maksud terma dan syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan berikut hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya:

"Pemohon" bermaksud individu yang memiliki Perbankan Dalam Talian (RIB) dan Perbankan Mudah Alih (MOB) i-Muamalat.

"BMMB atau Bank" bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad [No. Syarikat 196501000376 (6175-W)] dan termasuk cawangan-cawangan serta penerima serah hak.

"BNM" bermaksud Bank Negara Malaysia.

"Hari Perniagaan" merujuk kepada hari di mana Bank dibuka untuk urusan perniagaan di Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur, dan pada hari tersebut transaksi pemindahan wang yang tertakluk kepada Terma dan Syarat ini boleh diproses.

"Penghantaran Wang" merujuk kepada pemindahan dana yang selamat dan dikawal selia oleh Bank bagi pihak pelanggan kepada bank lain, sama ada di dalam negara atau antarabangsa.

"Penghantaran Bertelegraf" merupakan kaedah elektronik yang memindahkan dana dengan selamat dari satu bank ke bank yang lain merentasi sempadan antarabangsa.

"Terma & Syarat" bermaksud syarat dan peraturan yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari masa ke semasa oleh pihak Bank.

2. KELAYAKAN

2.1 Semua pengguna baharu dan sedia ada Perbankan Dalam Talian (RIB) dan Perbankan Mudah Alih (MOB) i-Muamalat layak untuk menggunakan perkhidmatan ini.

2.2 Individu

- i. Mana-mana individu atau orang yang layak berumur lebih daripada lapan belas (18) tahun, atau
- ii. Perniagaan pemilikan tunggal

TERMS AND CONDITIONS ONLINE FOREIGN TRANSFER VIA i-MUAMALAT INTERNET BANKING (RIB) AND MOBILE BANKING (MOB)

TERMA DAN SYARAT PEMINDAHAN DANA KE LUAR NEGARA DALAM TALIAN MELALUI PERBANKAN DALAM TALIAN (RIB) DAN PERBANKAN MUDAH ALIH (MOB) i-MUAMALAT

3. SERVICE FEATURES

Listed below are the features under Online Foreign Transfer:

Feature	Detail
Service	Online Foreign Transfer via i-Muamalat Retail Internet Banking and Mobile Banking
Fee	• RM 10 for Applicant • No fee imposed on Recipient
Transaction Limit	• Individual (Resident) RM 250 – RM 50,000 • Individual (Non-Resident): RM 250 – RM 10,000 • Sole Proprietor: RM 250 – RM 50,000
Supported Countries and Currencies	• SEPA: EUR • Australia: AUD • Indonesia: IDR • United Kingdom: EUR & GBP • United States: USD

3. CIRI-CIRI SERVIS

Berikut merupakan ciri-ciri Pemindahan Wang Asing dalam Talian:

Ciri	Perincian
Servis	Pemindahan Wang Asing Dalam Talian melalui Perbankan Internet dan Perbankan Mudah Alih i-Muamalat
Yuran	• RM 10 dikenakan kepada Pemohon • Tiada caj dikenakan kepada Penerima
Limit Transaksi	• Individu (Penduduk): RM 250 – RM 50,000 • Individu (Bukan Penduduk): RM 250 – RM 10,000 • Perniagaan Pemilikan Tunggal: RM 250 – RM 50,000
Negara dan Mata Wang Terpilih	• SEPA: EUR • Australia: AUD • Indonesia: IDR • United Kingdom: EUR & GBP • United States: USD

4. APPOINTMENT OF AGENTS AND CORRESPONDENCE

- 4.1 The Bank on behalf of our Retail Client (the Applicant), shall be at liberty to appoint any correspondent, agent, sub-agent or other agency in effecting its foreign exchange remittance.
- 4.2 In executing the above remittance through any payment channel appointed by the Bank, neither the Bank nor any of its appointed correspondents or agents shall be liable for any corruption, interruption, omission, error, delay, or misinterpretation of data or remittance details received via wire, cable, telex, mail, or any other means.

4. PELANTIKAN EJEN DAN BANK KORESPONDEN

- 4.1 Bank bagi pihak Pelanggan Runcit (Pemohon), berhak melantik mana-mana bank koresponden, ejen, sub-ejen atau agensi lain untuk melaksanakan pemindahan wang asing.
- 4.2 Dalam melaksanakan pemindahan wang di atas melalui mana-mana saluran pembayaran yang dilantik oleh Bank, Bank atau mana-mana bank koresponden atau ejen yang dilantik tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, gangguan, kecuai, kesilapan, kelewatan, atau salah tafsir data atau butiran pemindahan yang diterima melalui wayar, kabel, telex, pos, atau mana-mana cara lain.

5. TRANSMISSION OF MESSAGES AND ACURACY OF BENEFICIARY DETAILS

- 5.1 The Bank reserves the right to transmit any message related to this transfer in plain text, code, or cipher, as it deems appropriate.
- 5.2 For online remittance instructions, the beneficiary's account number shall serve as the sole reference between the sender's bank (the "Originating Bank") and the beneficiary's bank (the "Receiving Bank") Credit to the beneficiary's account will be based solely on the account number provided by the applicant. The

5. PENGHANTARAN MAKLUMAT DAN KETEPATAN BUTIRAN PENERIMA

- 5.1 Pihak bank berhak untuk menghantar sebarang maklumat berkaitan pemindahan ini dalam teks biasa, kod, atau sifir, mengikut budi bicara Bank.
- 5.2 Bagi arahan pemindahan wang dalam talian, nombor akaun penerima akan menjadi rujukan tunggal antara bank pengirim ("Bank Penghantar") dan bank penerima ("Bank Penerima"). Kredit ke akaun penerima akan dibuat berdasarkan nombor akaun yang diberikan oleh pemohon sahaja. Pemohon mesti

TERMS AND CONDITIONS ONLINE FOREIGN TRANSFER VIA i-MUAMALAT INTERNET BANKING (RIB) AND MOBILE BANKING (MOB)

TERMA DAN SYARAT PEMINDAHAN DANA KE LUAR NEGARA DALAM TALIAN MELALUI PERBANKAN DALAM TALIAN (RIB) DAN PERBANKAN MUDAH ALIH (MOB) i-MUAMALAT

applicant must ensure the accuracy of the beneficiary's account number. The Bank will not verify the beneficiary's name and shall not be responsible for any loss arising from an incorrect account number.

memastikan nombor akaun penerima tepat. Pihak bank tidak akan mengesahkan nama penerima dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang timbul akibat nombor akaun yang salah.

5.3 The Bank reserves the right to transmit information related to this transaction using the email address registered in the Bank's system or any other communication method at the discretion of the Bank. The Bank shall not be held liable for any disclosure of information resulting from incorrect or unauthorized contact details provided. Furthermore, the Bank shall not be responsible for any interruption, omission, error, delay, or misinterpretation in the transmission of information to the beneficiary.

5.3 Pihak bank berhak menghantar maklumat berkaitan transaksi ini menggunakan alamat emel yang didaftarkan dalam sistem Bank atau mana-mana kaedah komunikasi lain mengikut budi bicara Bank. Pihak bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pendedahan maklumat yang berlaku akibat maklumat hubungan yang salah atau tidak sah. Selain itu, pihak bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang gangguan, kecuaiian, kesilapan, kelewatan, atau salah tafsir dalam penghantaran maklumat kepada penerima.

6. DISCLAIMER OF LIABILITY FOR ERRORS AND FORCE MAJEURE

6. PENAFIAN LIABILITI BAGI KESILAPAN DAN KEADAAN FORCE MAJEURE

6.1 Except for losses or damages arising solely from the Bank's willful misconduct or gross negligence, the Bank shall not be liable to the applicant or any third party for any direct, indirect, special, incidental, exemplary, or consequential loss or damage, including but not limited to loss of profit, loss of anticipated savings, business interruption, or loss of goodwill, arising from or in connection with:

6.1 Melainkan kerugian atau kerosakan yang timbul semata-mata akibat salah laku sengaja atau kecuaiian dari pihak Bank, Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung, tidak langsung, khas, insiden, contoh, atau bersiri, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian, kehilangan simpanan yang dijangka, gangguan perniagaan, atau kehilangan reputasi yang timbul daripada atau berkaitan dengan:

- a) Any error, inaccuracy, or omission in the information provided by the Applicant (including incorrect beneficiary details such as name, account number, or amount); or
- b) Any delay, failure, or disruption in the transmission or processing of the transaction due to circumstances beyond the Bank's reasonable control, including but not limited to natural disasters (fire, flood, earthquake, etc.), acts of God, war, terrorism, civil unrest, epidemic or pandemic, industrial disputes, failure of telecommunications, power or utility services, or any other force majeure event.

- a) Sebarang kesilapan, ketidaktepatan, atau kecuaiian dalam maklumat yang diberikan oleh Pemohon (termasuk butiran penerima yang salah seperti nama, nombor akaun, atau jumlah); atau
- b) Sebarang kelewatan, kegagalan, atau gangguan dalam penghantaran atau pemprosesan transaksi akibat keadaan di luar kawalan munasabah Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam (api, banjir, gempa bumi, dan sebagainya), kejadian di luar jangkaan, perang, keganasan, rusuhan, wabak atau pandemik, pertikaian perindustrian, kegagalan telekomunikasi, bekalan elektrik atau utiliti, dan lain-lain.

6.2 In any event where the Bank is found liable, the Bank's total liability shall be limited strictly to the amount of the remittance involved in the transaction giving rise to such claim.

6.2 Sekiranya berlaku keadaan di mana pihak Bank didapati bertanggungjawab, jumlah liabiliti Bank akan dihadkan kepada jumlah pemindahan wang yang terlibat dalam transaksi yang menimbulkan tuntutan tersebut.

7. AMENDMENT, CANCELLATION AND REFUND PROCEDURES FOR FOREIGN REMITTANCE

7. PROSEDUR PEMBAHARUAN, PEMBATALAN, DAN PENGEMBALIAN UNTUK PEMINDAHAN WANG ASING

TERMS AND CONDITIONS ONLINE FOREIGN TRANSFER VIA i-MUAMALAT INTERNET BANKING (RIB) AND MOBILE BANKING (MOB)

TERMA DAN SYARAT PEMINDAHAN DANA KE LUAR NEGARA DALAM TALIAN MELALUI PERBANKAN DALAM TALIAN (RIB) DAN PERBANKAN MUDAH ALIH (MOB) i-MUAMALAT

- | | |
|--|--|
| <p>7.1 The applicant acknowledges that any request for repurchase, amendment, reversal, cancellation, or refund of a foreign remittance (Telegraphic Transfer) may result in foreign exchange losses and additional charges.</p> <p>7.2 The applicant agrees that the Bank shall not be held liable for any such losses, charges, costs, or expenses incurred, including those related to currency conversion. All such losses and expenses shall be solely borne by me/us as the remitting party. The Applicant further understands that the final refunded amount, if any, may be less than the original remitted amount due to exchange rate fluctuations, bank charges, and processing fees imposed by the Bank and/or its agents or correspondence banks.</p> <p>8. <u>AMENDMENT, CANCELLATION AND REISSUANCE OF ONLINE TELEGRAPHIC TRANSFER</u></p> <p>8.1 Any request by the applicant for the cancellation, amendment, or replacement of an Online Telegraphic Transfer shall be at the discretion of the Bank and subject to such terms and conditions as may be prescribed by the Bank from time to time.</p> <p>8.2 Any refund or reissuance, where permitted, will be processed only upon confirmation from the Bank's correspondents or agents. The Bank reserves the right to recover from the Applicant all charges, costs, expenses, or reimbursements incurred by the Bank or its correspondents/agents in relation to such requests. All fees and service charges paid in connection with the original transaction are strictly non-refundable.</p> <p>9. <u>REMITTANCE HANDLING CHARGES</u></p> <p>9.1 The Applicant understands that foreign remittances may be subject to handling charges imposed by overseas agents, and that such charges shall be borne by the beneficiary unless otherwise instructed to the Bank.</p> <p>10. <u>REMITTANCE CUT-OFF TIMES AND TRANSACTION TURNAROUND</u></p> <p>10.1 Same-day value remittance applications are subject to cut-off times, which may vary based on the geographical location of the beneficiary. Transactions will be deferred if the intended processing date falls on a non-Business Day in the Federal Territory.</p> | <p>7.1 Pemohon mengakui bahawa sebarang permintaan untuk pembelian semula, pindaan, pembalikan, pembatalan, atau pengembalian wang bagi pemindahan wang asing (Penghantaran Bertelegraf) mungkin mengakibatkan kerugian pertukaran mata wang dan caj tambahan.</p> <p>7.2 Pemohon bersetuju bahawa Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, caj, kos, atau perbelanjaan yang timbul, termasuk yang berkaitan dengan penukaran mata wang. Semua kerugian dan perbelanjaan tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh saya/kami sebagai pihak yang membuat pemindahan. Pemohon juga memahami bahawa jumlah pengembalian akhir, sekiranya ada, mungkin kurang daripada jumlah asal yang dipindahkan disebabkan oleh turun naik kadar pertukaran, caj bank, dan yuran pemprosesan yang dikenakan oleh Bank dan/atau ejen atau bank koresponden</p> <p>8. <u>PEMBAHARUAN, PEMBATALAN, DAN PENGELUARAN SEMULA PENGHANTARAN BERTELEGRAF DALAM TALIAN</u></p> <p>8.1 Sebarang permintaan oleh pemohon untuk pembatalan, pindaan, atau penggantian penghantaran bertelegraf dalam talian adalah tertakluk kepada budi bicara Bank serta terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa</p> <p>8.2 Sebarang pengembalian wang atau pengeluaran semula, jika dibenarkan, hanya akan diproses setelah mendapat pengesahan daripada bank koresponden atau ejen Bank. Bank berhak untuk menuntut daripada Pemohon semua caj, kos, perbelanjaan, atau bayaran balik yang ditanggung oleh Bank atau bank koresponden/ejen berkaitan dengan permintaan tersebut. Semua yuran dan caj perkhidmatan yang dibayar berkaitan dengan transaksi asal adalah tidak boleh dikembalikan.</p> <p>9. <u>CAJ PENGENDALIAN PEMINDAHAN WANG</u></p> <p>9.1 Pemohon memahami bahawa pemindahan wang asing mungkin tertakluk kepada caj pengendalian yang dikenakan oleh ejen luar negara, dan caj tersebut akan ditanggung oleh penerima kecuali diarahkan sebaliknya kepada pihak Bank.</p> <p>10. <u>MASA TUTUP PEMINDAHAN WANG DAN TEMPOH PEMROSESAN TRANSAKSI</u></p> <p>10.1 Permohonan pemindahan wang pada hari yang sama tertakluk kepada masa tutup dimana mungkin berbeza mengikut lokasi geografi penerima. Transaksi akan ditangguhkan sekiranya tarikh pemprosesan jatuh pada Hari bukan bekerja di Wilayah Persekutuan.</p> |
|--|--|

TERMS AND CONDITIONS ONLINE FOREIGN TRANSFER VIA i-MUAMALAT INTERNET BANKING (RIB) AND MOBILE BANKING (MOB)

TERMA DAN SYARAT PEMINDAHAN DANA KE LUAR NEGARA DALAM TALIAN MELALUI PERBANKAN DALAM TALIAN (RIB) DAN PERBANKAN MUDAH ALIH (MOB) i-MUAMALAT

- | | |
|--|---|
| <p>10.2 The turnaround time for foreign exchange remittances typically ranges from one (1) to five (5) Business Days or longer, depending on the beneficiary's location and any additional screening requirements or information requested by the Bank or the receiving party.</p> | <p>10.2 Tempoh pemprosesan bagi pemindahan wang asing biasanya adalah antara satu (1) hingga lima (5) Hari bekerja atau lebih lama, bergantung kepada lokasi penerima dan sebarang keperluan saringan tambahan atau maklumat yang diminta oleh Bank atau pihak penerima.</p> |
| <p>11. <u>DISCLOSURE OF APPLICANT INFORMATION AND PERSONAL DATA UNDER THE ISLAMIC FINANCIAL SERVICE ACT (IFSA 2013) AND THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 ("PDPA")</u></p> | <p>11. <u>PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI DAN DATA PAP DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013 (IFSA) DAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")</u></p> |
| <p>11.1 The Applicant hereby irrevocably authorizes the Bank to disclose any information provided in this remittance application, as well as any related information, to the Bank's agents, authorized outsourcing partners, correspondent banks, agent banks, remittance service providers, subsidiaries (within or outside Malaysia), and/or any regulatory authorities in any jurisdiction, as required by law or for the purpose of processing the remittance. The Applicant further agrees that the Bank shall not be held liable for any such disclosures.</p> | <p>11.1 Pemohon dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat yang diberikan dalam permohonan pemindahan wang, serta sebarang maklumat berkaitan, kepada ejen Bank, rakan kongsi luar yang diberi kuasa, bank koresponden, ejen bank, penyedia perkhidmatan pemindahan wang, anak syarikat (dalam atau luar Malaysia), dan/atau mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan di mana-mana bidang kuasa, seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau bagi tujuan memproses pemindahan wang. Pemohon bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang pendedahan sedemikian.</p> |
| <p>11.2 The Applicant consents to the Bank collecting, using, and processing all personal information provided in this form for the purpose of processing this remittance application and any related requirements. This includes the transfer or disclosure of such information to the Bank's agents, authorized outsourcing partners, correspondent banks, agent banks, remittance service providers, and subsidiaries within or outside Malaysia, for processing, storage, or regulatory purposes. The Applicant confirms that the personal information provided is true, accurate, and up to date, and agree to promptly inform the Bank of any changes to this information.</p> | <p>11.2 Pemohon memberi persetujuan kepada pihak Bank untuk mengumpul, menggunakan, dan memproses semua maklumat peribadi yang diberikan bagi tujuan memproses permohonan pemindahan wang dan sebarang keperluan berkaitan. Ini termasuk pemindahan atau pendedahan maklumat tersebut kepada ejen Bank, rakan kongsi luar yang diberi kuasa, bank koresponden, penyedia perkhidmatan pemindahan wang, dan anak syarikat dalam atau luar Malaysia, bagi tujuan pemprosesan, penyimpanan, atau pengawalseliaan. Pemohon mengesahkan bahawa maklumat peribadi yang diberikan adalah benar, tepat, dan terkini, serta bersetuju untuk segera memaklumkan pihak Bank tentang sebarang perubahan maklumat tersebut.</p> |
| <p>11.3 In addition to any disclosure permitted under Schedule 11 of the Islamic Financial Services Act 2013, the Applicant hereby irrevocably consents and authorizes the Bank, its officers and employees to disclose, divulge and furnish any information in relation to the Applicant's remittance transactions (past, present or future), accounts, business or affairs, as the Bank deems appropriate and necessary, to the following parties, whether within or outside Malaysia as stated in our Personal Data Privacy Notice Bank's official website. Such disclosure shall be made in good faith and in compliance with applicable laws and regulations, and the Bank shall not be liable for any consequences arising from such disclosure.</p> | <p>11.3 Selain daripada sebarang pendedahan yang dibenarkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, pemohon dengan ini memberi persetujuan dan kuasa kepada pihak Bank, pegawai dan pekerjanya untuk mendedahkan, menyalurkan dan menyediakan sebarang maklumat berkaitan transaksi pemindahan wang Pemohon (selepas, semasa atau akan datang), akaun, perniagaan atau urusan, mengikut budi bicara dan keperluan Bank, kepada pihak-pihak berikut, sama ada dalam atau luar Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi Data Peribadi di laman web rasmi Bank. Pendedahan tersebut akan dibuat dengan niat baik dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang berkuatkuasa, dan Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang akibat yang timbul daripada pendedahan tersebut.</p> |

TERMS AND CONDITIONS ONLINE FOREIGN TRANSFER VIA i-MUAMALAT INTERNET BANKING (RIB) AND MOBILE BANKING (MOB)

TERMA DAN SYARAT PEMINDAHAN DANA KE LUAR NEGARA DALAM TALIAN MELALUI PERBANKAN DALAM TALIAN (RIB) DAN PERBANKAN MUDAH ALIH (MOB) i-MUAMALAT

12. COMPLIANCE WITH ECONOMIC OR TRADE SANCTIONS

12.1 The Applicant is solely responsible for ensuring that any remittance transaction does not contravene any applicable economic or trade sanctions imposed by any competent authority, including but not limited to those issued by BNM, or any other internal or external relevant regulatory body.

12.2 The Bank shall not be held liable for any delay, rejection, suspension, withholding, or blocking of funds or documents arising from or in connection with such sanctions, restrictions, or compliance requirements whether imposed on the originating, intermediary, or receiving party or country. The Applicant acknowledges and accepts full responsibility for any consequences or losses resulting therefrom.

13. COMPLIANCE WITH FOREIGN EXCHANGE POLICY NOTICES ("FEP NOTICES")

13.1 The Applicant is advised to read, understand, and ensure continuous compliance with the FEP Notices issued by BNM which are accessible via the official website at www.bnm.gov.my. It is the sole responsibility of the Applicant to ensure that all remittance transactions and related activities conducted through accounts maintained with The Bank are in full compliance with the applicable FEP Notices at all times. Failure to comply may result in transaction rejection or reporting to BNM.

14. LAW

14.1 These Terms and Conditions shall be governed by, and construed in accordance with, the laws of Malaysia. The Applicant agrees to submit to the non-exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia in respect of any dispute or matter arising out of or in connection with the Online Remittance services provided by the Bank.

14.2 These Terms and Conditions is also subject to rules, regulations and guidelines of BNM, Shariah Advisory Council of BNM, Shariah Committee of BMMB, and of all prevailing provisions of the Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA), Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 (AMLA) and Personal Data Protection Act 2010 (PDPA).

12. PEMATUHAN TERHADAP SEKATAN EKONOMI ATAU PERDAGANGAN

12.1 Pemohon bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan sebarang transaksi pemindahan wang tidak melanggar sebarang sekatan ekonomi atau perdagangan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang dikeluarkan oleh BNM, atau mana-mana badan pengawalseliaan dalaman atau luaran.

12.2 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, penolakan, penggantungan, penahanan, atau sekatan terhadap dana atau dokumen yang timbul daripada atau berkaitan dengan sekatan, had, atau keperluan pematuhan sedemikian, sama ada dikenakan ke atas pihak pengirim, perantara, penerima, atau negara. Pemohon mengakui dan menerima tanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang akibat atau kerugian yang timbul daripadanya.

13. PEMATUHAN TERHADAP NOTIS DASAR PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING ("FEP NOTICES")

13.1 Pemohon dinasihatkan untuk membaca, memahami, dan sentiasa mematuhi Notis Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing (FEP Notices) yang dikeluarkan oleh BNM, yang boleh diakses melalui laman web rasmi di www.bnm.gov.my. Adalah menjadi tanggungjawab tunggal Pemohon untuk memastikan bahawa semua transaksi pemindahan wang dan aktiviti berkaitan yang dijalankan melalui akaun yang dikekalkan dengan Bank sentiasa mematuhi FEP Notices yang berkuatkuasa. Kegagalan untuk mematuhi mungkin mengakibatkan transaksi ditolak atau dilaporkan kepada BNM.

14. UNDANG-UNDANG

14.1 Terma dan Syarat ini akan ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia. Pemohon bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah-mahkamah di Malaysia berhubung sebarang pertikaian atau perkara yang timbul daripada atau berkaitan dengan perkhidmatan Pemindahan Wang Dalam Talian yang disediakan oleh Bank.

14.2 Terma dan Syarat ini juga tertakluk kepada peraturan, garis panduan dan panduan BNM, Majlis Penasihat Syariah BNM, Jawatankuasa Syariah BMMB, serta semua peruntukan yang berkuat kuasa di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (AMLA) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA).

TERMS AND CONDITIONS ONLINE FOREIGN TRANSFER VIA i-MUAMALAT INTERNET BANKING (RIB) AND MOBILE BANKING (MOB)

TERMA DAN SYARAT PEMINDAHAN DANA KE LUAR NEGARA DALAM TALIAN MELALUI PERBANKAN DALAM TALIAN (RIB) DAN PERBANKAN MUDAH ALIH (MOB) i-MUAMALAT

15. ANTI BRIBERY AND CORRUPTION

15.1 All parties are expected to understand and comply with the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (including any amendment thereof). The Bank reserves the right to report any actions or activities suspected of being criminal in nature to the police or other relevant authorities and include to terminate the transaction hereof.

16. MISCELLANEOUS

16.1 The Terms & Conditions including the discretion rights and/or power given to any parties under this document shall be subject to Shariah principles.

16.2 The Applicant acknowledges and agrees that it is their responsibility to regularly access and review the latest BMMB's Terms and Conditions, which will be made available via the Bank's official website or other communication channels deemed appropriate by the Bank. Continued use of the service after any such changes shall constitute acceptance of the revised Terms and Conditions.

16.3 These Terms and Conditions may be amended, varied, supplemented, or revised by The Bank at its sole discretion from time to time. Any such amendments shall take effect on the date specified by the Bank and may be made, unless otherwise required by applicable laws or regulations. The Bank may also revise, suspend or terminate, in whole or in part, any features, functionality or scope of the Online Remittance service as it deems necessary or appropriate with prior notice at least 21 days prior to the amendment.

16.4 In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any brochures, marketing and promotional materials relating to the service or its promotion, the English version of the Terms and Conditions shall prevail to the extent of such inconsistency

15. ANTI RASUAH DAN SOGOKAN

15.1 Semua pihak yang terlibat diharapkan memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaan terhadapnya). BMMB berhak melaporkan sebarang tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada pihak polis atau pihak berkuasa lain serta menamatkan transaksi yang berkaitan.

16. LAIN-LAIN PERUNTUKAN

16.1 Terma & Syarat ini, termasuk hak budi bicara dan/atau kuasa yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini, tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.

16.2 Pemohon mengakui dan bersetuju bahawa menjadi tanggungjawab mereka untuk sentiasa mengakses dan menyemak Terma dan Syarat BMMB terkini melalui laman web rasmi Bank atau saluran komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Penggunaan perkhidmatan berterusam selepas sebarang perubahan sedemikian akan dianggap sebagai penerimaan terhadap Terma dan Syarat yang telah disemak semula.

16.3 Terma dan Syarat ini boleh dipinda, diubah, ditambah, atau disemak semula oleh pihak Bank atas budi bicara dari semasa ke semasa. Sebarang pindaan akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Bank dan boleh dibuat, kecuali jika dikehendaki sebaliknya oleh undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa. Bank juga berhak menyemak semula, menggantung atau menamatkan, secara keseluruhan atau sebahagian, sebarang ciri, fungsi atau skop perkhidmatan Kiriman Wang Dalam Talian mengikut budi bicara Bank sekiranya perlu atau sesuai dengan notis sekurang-kurangnya 21 hari sebelum pindaan.

16.4 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana brosur, bahan pemasaran dan promosi berkaitan Program, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat ini akan mengatasi percanggahan tersebut.